

IKLAN JAWATAN KOSONG PERANGKAWAN GRED E41

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan : Perangkawan
 (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi (E)
 (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 (f) Gred : E41
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)
- | Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| E41 | 2,083.00 | 9,549.00 | 225.00 |
- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 300.00
 Perumahan : RM 300.00
3. Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 a) Warganegara Malaysia;
 b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED E41 :

- Kelayakan Masuk : (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang ekonomi, statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred E41: RM2,286.57

ATAU

- Kelayakan Masuk : (ii) Associateship Institute of Statisticians, London atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan : Gred E41: RM2,286.57

ATAU

Kelayakan Masuk : (iii) Ijazah sarjana dalam bidang ekonomi, statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred E41: RM2,695.41

DAN

Syarat Lantikan Tambahan :

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Perangkawan Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perkara 3.1 (c) (i) atau 3.1 (c) (ii) atau 3.1 (c) (iii) atau;
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab mengurus program dan aktiviti pengumpulan, pemprosesan, penganalisisan, penyediaan laporan dan penyebaran data Universiti dalam pelbagai bidang yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk perancangan pembangunan dan pentadbiran Universiti.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR